

Pencapaian kesihatan negara cemerlang: TPM

Berita Minggu 13/10/2010 M/S 3

Kadar penyakit menurun, kematian serta jangka hayat naik

Oleh Hazirah Che Sab
zeehan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pencapaian cemerlang Malaysia dalam bidang kesihatan boleh dijadikan contoh dan penanda aras oleh banyak negara membangun lain, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, senarai panjang kejayaan negara dalam bidang kesihatan termasuk pencapaian sejagat dalam sektor kesihatan awam yang menyeluruh, jaminan perbelanjaan bagi penyakit kronik dan bayaran minimum atau tiada bayaran bagi perkhidmatan dalam sistem awam.

Katanya, berikutan itu ada peningkatan penting dalam status kesihatan penduduk di negara ini dengan penurunan kadar penyakit dan kematian serta peningkatan jangka hayat.

“Bagaimanapun, kebimbangan semakin memuncak sejak 1985 mengenai sistem perbelanjaan bagi penjagaan kesihatan tidak dapat dikekalkan berikutan banyak cabaran yang perlu dihadapi.

“Antaranya kurang keberkesanan operasi antara sektor awam dan persendirian, kepelbagaian amalan dan piawaian penjagaan, peningkatan kos penjagaan kesihatan dan perubahan aliran perbelanjaan kesihatan,” katanya. Beliau berkata demikian



MUHYIDDIN bersama Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (kanan) menyaksikan pameran selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-67, semalam.

ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-67 Persatuan Doktor Pergigian Malaysia (MDA) pada Konvensyen Sainifik dan Pameran Perdagangan Antarabangsa FDI di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Katanya, Kementerian Kesihatan kini berusaha melakukan pembaharuan dalam sistem penjagaan kesihatan yang menyaksikan peranan sektor swasta akan diperingkatkan.

Muhyiddin berkata, orang awam rakyat akan diberi penerangan sejelas-jelasnya

mengenai pembaharuan itu tetapi rakyat perlu sedar perubahan adalah perlu dan tenaga kerja perlu membangunkan skil bersesuaian untuk berdepan, memudahkan dan melaksanakan perubahan itu.

“Saya juga menggesa doktor pergigian untuk bersedia memainkan peranan penting, bekerjasama dengan kerajaan untuk memastikan kejayaan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan pembaharuan kesihatan,” katanya.

Terdahulu, beliau berkata, negara mampu mencapai nisbah seorang doktor gigi

untuk setiap 4,000 penduduk seperti piawaian negara maju berbanding 1:7,822 ketika ini menjelang 2015.

“Saya difahamkan ada 4,781 doktor gigi berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan daripada jumlah itu, 3,606 kekal aktif berkhidmat dengan 51.5 peratus dalam sektor awam dan 48.5 peratus lagi dalam sektor swasta.

“Saya juga sedar doktor gigi persendirian lebih cenderung berkhidmat di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor tetapi kini meningkat di kawasan tumpuan pelancong seperti Melaka,” katanya.